

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED
@ HASHIM**

SOALAN : 29

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) apakah status Pelabuhan Kemaman dan Pelabuhan Kuantan ketika ini beserta jenis dan saiz kendalian perniagaan (dalam nilai ringgit) oleh pelabuhan masing-masing setiap tahun; dan
- (b) usaha membangunkan kedua-dua pelabuhan sebagai pintu masuk utama ke koridor Pantai Timur.

JAWAPAN

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelabuhan Kemaman dan Pelabuhan Kuantan merupakan Pelabuhan Persekutuan yang dikawalselia dan terletak di bawah tadbir urus Lembaga Pelabuhan Kemaman (LPKmn) dan Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPKtn) masing-masing.

Pelabuhan Kemaman merupakan pelabuhan laut dalam dan mengendalikan pelbagai jenis kargo termasuk kargo am, *dry bulk* dan *liquid bulk*. Jumlah pendapatan daripada pengendalian kargo di Pelabuhan Kemaman pada tahun 2017 adalah RM58.7 juta bagi 5,515,858 juta tan kargo kendalian.

Manakala kargo yang dikendalikan di Pelabuhan Kuantan pula adalah dalam bentuk kontena, pecah pukal (paip keluli, *sawn timber*, *plywood*), *dry bulk* (baja, *PKE*, *coke*) dan *liquid bulk* (minyak kelapa sawit, minyak sayuran, lain-lain minyak *edible*, petrokimia, bio-diesel). Pada tahun 2017, pendapatan dari pengendalian kargo di Pelabuhan Kuantan direkodkan berjumlah RM 170,894,589.24 bagi pengendalian sebanyak 17,462,343 juta tan kargo.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi merancakkan pembangunan ekonomi di Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang mana secara tidak langsung akan memberikan *spillover effect* kepada aktiviti Pelabuhan Kuantan, Kerajaan telah bersetuju supaya sebuah Terminal Baru Laut Dalam (NDWT – *New Deep Water Terminal*) dibina di Pelabuhan Kuantan. Perjanjian Penswastaan Pelabuhan Kuantan yang ditandatangani di antara Kerajaan, Lembaga

Pelabuhan Kuantan (LPKtn) dan Kuantan Port Consortium (KPC) turut menjelaskan obligasi KPC untuk membangunkan projek NDWT selaras dengan Pelan Pembangunan Pelabuhan Kuantan.

Pelabuhan Kemaman pula merupakan pelabuhan laut dalam yang sedang meningkat naik sebagai pintu gerbang masuk kepada rantau Asia-Pasifik. Pelabuhan Kemaman menjadi pilihan logistik bagi syarikat-syarikat perkapalan di wilayah timur kerana lokasinya yang terletak di tengah-tengah zon industri berkaitan minyak dan gas pantai timur dan mendapat faedah dari perkembangan pesat pembangunan industri petrokimia di Kerteh. Konsortium Pelabuhan Kemaman (KPK) sebagai operator pelabuhan sedang dalam strategi meletakkan pelabuhan ini sebagai pusat serantau bagi aktiviti *transshipment*, *cargo consolidation* dan aktiviti distributif.

Dalam hal ini, pihak LPKmn sedang dalam proses menyiapkan Pelan Pembangunan Pelabuhan Kemaman yang menyeluruh dan komprehensif. Salah satu inisiatif yang sedang dirancang adalah pembesaran dermaga mengikut keperluan dan kehendak pengguna semasa pelabuhan dan berdasarkan kepada jumlah kuantiti kargo yang diimport dan dieksport.